

# Laporan prestasi wakil rakyat sudah diserahkan

UM 20 OCT 2003

PULAU PINANG 19 Okt. — Laporan prestasi wakil rakyat kesemua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) telah dikemukakan kepada pucuk pimpinan BN untuk pemilihan calon pada pilihan raya umum ke-11.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat yang enggan mengulas lanjut kandungan laporan itu, hanya memberitahu terdapat peningkatan prestasi selepas pucuk pimpinan awal tahun ini mengingatkan wakil rakyat kerajaan berhubung perkara itu.

Bagaimanapun beliau mendedahkan ada kalangan wakil rakyat masih berdegil apabila tidak mengemukakan laporan aktiviti bulanan mereka ke Ibu Pejabat BN.

“Ada juga yang tidak menghantar laporan bulanan mereka ke ibu pejabat dan ini bermakna mereka tak ambil peduli. Tidak hantar akan menyukarkan pucuk pimpinan untuk menentukan kelayakan mereka sebagai calon.

“Apa pun saya sudah menghantar laporan prestasi semua wakil rakyat BN untuk dinilai,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau ditanya mengenai perkembangan laporan prestasi wakil rakyat semua parti komponen BN yang diarahkan oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya dihantar ke Ibu Pejabat parti pemerintah itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini pula berkata, kewibawaan dan kesanggupan berkhidmat untuk rakyat merupakan kriteria utama pemilihan calon BN dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau menegaskan, untuk menjadi wakil rakyat bukan kerja mudah kerana individu itu perlu sanggup bekerja bersungguh-sungguh dan tidak mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum ini mengesahkan Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya 2003 telah diwartakan pada 1 Mei lalu, sekali gus membolehkan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan negeri baru di seluruh Semenanjung dan Sabah, dipertandingkan pada pilihan raya umum nanti.

Dewan Rakyat meluluskan usul persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri pada 8 April lalu menjadikan jumlah kerusi Dewan Rakyat bertambah kepada 219 dan 567 kerusi DUN.

Abdullah yang diumumkan oleh Dr. Mahathir sebagai penggantinya apabila beliau berundur akhir bulan ini, akan mengetuai BN pada pilihan raya umum nanti.